



**Kediaman
selesa pada harga
mampu milik**

Meningkatkan kualiti hidup rakyat

- **PPR Bukit Nanas** sediakan 500 unit rumah
- **Subsidi sehingga RM158,000** seunit
- **Peruntukan kerajaan lebih RM83 juta** *muka 2*



**Kompleks
Pasar Payang
dibangunkan
semula**
muka 3



**Pameran KPKT tumpuan
pengunjung Karnival
Ekspresi Negaraku** *muka 3*

DIARI PARLIMEN

**Jawapan
Tan Sri Noh Omar**

Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
muka 5



**Tuntutan ganti
rugi kelewatan
penyerahan
milikan kosong
(LAD)** *muka 6*



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gada
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Datuk Seri Najib Tun Razak merasmikan majlis pecah tanah PPR Bukit Nanas di Kuala Nerus, Terengganu, baru-baru ini. Majlis itu turut dihadiri Tan Sri Noh Omar, (tiga dari kanan), Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman (empat dari kiri), Datuk Halimah Mohamed Sadique (dua dari kanan) dan Datuk Mohammad Mentek (paling kanan).

PM rasmi majlis pecah tanah PPR Bukit Nanas

Ubah landskap masyarakat Kuala Nerus

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak percaya projek pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) Bukit Nanas yang menawarkan sebanyak 500 unit kediaman yang selesai dan pada harga mampu milik akan mengubah landskap kehidupan masyarakat di sekitar Kuala Nerus, Terengganu.

Menurut beliau, kualiti hidup masyarakat Kuala Nerus juga akan bertambah baik apabila unit-unit kediaman baharu tersebut siap.

Katanya, projek pembinaan PPR Bukit Nanas adalah sejajar dengan usaha kerajaan memastikan nasib dan kebajikan golongan berpendapatan rendah terbela serta memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

"Oleh itu, selain membina rumah berkos rendah dan mampu milik, kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) akan terus memastikan mereka yang layak, berpeluang untuk memiliki rumah-rumah yang telah dibina melalui subsidi atau pinjaman kewangan dan sebagainya.

"Sebagai contoh, bagi setiap unit PPR yang dibina, nilai subsidi yang disediakan kerajaan berjumlah antara RM115,000 hingga RM158,000 seunit bergantung pada lokasi. Ini bermakna harga jualan kepada pembeli hanyalah antara RM35,000 sehingga RM40,000," katanya ketika mengulas tentang projek PPR Bukit Nanas melalui laman blog *NajibRazak.com* baru-baru ini.

Perdana Menteri menyempurnakan majlis pecah tanah projek berkenaan di Kuala Nerus pada 15 April lalu dan program itu turut dihadiri Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Ju-



Pembinaan PPR Bukit Nanas di Tepoh, Kuala Nerus, Terengganu bakal memberi manfaat besar kepada penduduk di kawasan tersebut.

PPR Bukit Nanas

- Lokasi: Tepoh, Kuala Nerus, Terengganu
- Jumlah kediaman: **500 unit**
- Peruntukan kerajaan: **RM83.475 juta**
- Keluasan: **700 kaki persegi**
- Komponen: Ruang tamu, tiga bilik tidur, dua bilik air, lantai berjubin
- Dijangka siap: **Awal 2020**

soh; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari; Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique serta

Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Mohammad Mentek.

Sementara itu, Noh berkata, PPR Bukit Nanas dibina dengan menggunakan peruntukan kerajaan sebanyak RM83.475 juta dan dijangka siap sepenuhnya pada awal 2020.

"Harga setiap unit serendah RM35,000 dengan kaedah sewa untuk dimiliki (RTO) yang secara tidak langsung memudahkan rakyat kerana mereka tidak perlu membuat pinjaman bank," katanya.

PPR Bukit Nanas merupakan projek kedua di Terengganu selepas PPR Padang Hiliran dan dengan kedudukannya yang strategik, akan memberikan kemudahan perumahan yang berkualiti, selesa serta mampu disewa atau dibeli oleh golongan berpendapatan rendah.

PPR merupakan salah satu inisiatif kerajaan Pusat untuk membantu rakyat mendapatkan kemudahan rumah yang selesa menerusi pemberian subsidi 80 peratus daripada kos pembinaan sekitar RM110,000 hingga RM140,000.

Kompleks Pasar Payang dibangunkan semula

KOMPLEKS Pasar Payang yang begitu sinonim dengan identiti Kuala Terengganu bakal dibangunkan semula dengan menggunakan peruntukan kira-kira RM66 juta yang disalurkan oleh kerajaan Pusat.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, projek tersebut akan dimulakan bulan depan.

Menurut beliau, perancangan teliti telah dilakukan berikutan pengumuman yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai pembangunan semula kompleks berkenaan pada 2015.

"Kontraktor telah dilantik dan hanya menunggu surat bagi membolehkan kerja-kerja digerakkan. Projek ini dijangka mengambil masa tiga tahun setengah untuk siap sepenuhnya.

"Saya percaya kompleks ini kelak akan mengubah landskap persekitaran dan boleh menambahkan daya tarikan pelancong dari dalam dan luar negara," katanya selepas melawat Kompleks Pasar Payang di Kuala Terengganu baru-baru ini.

Lawatan itu turut disertai Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique; Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Terengganu, Datuk Mohd.



Pembangunan semula Kompleks Pasar Payang

- Keluasan: 1.79 hektar
- Kemudahan asas: Tangga bergerak, lif, jejambat, medan selera, surau
- Komponen projek: Ubah suai bangunan, membina jalan masuk dan dataran, pengindahan landskap, membina semula menara jam

Jidin Shafee; Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Mohammad Mentek dan Datuk Bandar Kuala Terengganu, Mohd. Zulkipli Abu Bakar.

Noh memberitahu, komponen projek berkenaan merangkumi pembinaan



Tan Sri Noh Omar (dua dari kiri), Datuk Halimah Mohamed Sadique (tiga dari kiri) dan Datuk Mohammad Mentek (empat dari kiri) melawat Kompleks Pasar Payang di Kuala Terengganu baru-baru ini.

pasar sementara yang dijangka disiapkan dalam tempoh setahun setengah bagi memindahkan peniaga-peniaga sebelum kerja merobohkan pasar lama dan pembangunan semula dilaksanakan dalam tempoh dua tahun.

Pembangunan Kompleks Pasar Payang adalah bercirikan reka bentuk warisan negeri dengan mengekalkan corak perniagaan tradisional dan moden dalam persekitaran yang selesa bagi 600 peniaga serta pengunjung.

Pameran KPKT tumpuan pengunjung Karnival Ekspresi Negaraku

PAMERAN oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersempena dengan Karnival Ekspresi Negaraku di Dataran Pavilion di Kuala Kangsar, Perak pada 17 April lalu mendapat perhatian para pengunjung.

Antara jabatan di bawah KPKT yang menyertai pameran kali ini ialah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM), Jabatan Perumahan Negara (JPN), Bahagian Kesejahteraan Bandar, Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gada

serta Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS).

Kehadiran Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menambahkan lagi kemeriahan program yang berlangsung di Kuala Kangsar itu dan beliau turut meluangkan masa melawat gerai pameran KPKT pada karnival berkenaan.

Paling mendapat perhatian ialah pameran peralatan penyelamat dan kelengkapan anggota JPBM yang men-

jadikan gerai pameran KPKT sentiasa dipenuhi orang ramai.

Penguasa Bomba, Farriz Izzuan Fadzillah yang mengendalikannya sesi penerangan JPBM di pameran tersebut berkata, peralatan penyelamat yang dipamerkan adalah mengikut unit-unit khas dalam jabatan itu seperti pasukan penyelamat di air dan unit udara.

Menurutnya, pameran tersebut memberi peluang kepada orang ramai untuk mengenal peralatan yang digunakan oleh anggota bomba sewaktu operasi menyelamat dalam apa jua keadaan dan tempat.

Katanya, bersempena dengan pameran tersebut, satu demonstrasi menyelamat mangsa kemalangan jalan raya turut diadakan.

"Pengunjung yang datang terdiri daripada pelbagai peringkat usia. Paling menarik ialah golongan kanak-kanak yang amat tertarik untuk memakai uniform bomba cilik yang dipamerkan di sini.

"Kami turut memberikan peneran-

gan kepada pengunjung mengenai peralatan dan kelengkapan penyelamat selain memberikan maklumat kepada pengunjung yang berminat untuk menjadikan bidang ini sebagai kerjaya mereka," katanya.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam, Unit Komunikasi Korporat KPKT, Rosyila Abdul Latif berkata, Kuala Kangsar merupakan destinasi ketiga KPKT mengadakan pameran bersempena dengan Karnival Ekspresi Negaraku selepas di Putrajaya dan Sungai Petani, Kedah.

"Sambutan yang diterima daripada pengunjung di sini amat menggalakan. Selain pameran oleh jabatan dan agensi di bawah KPKT, kami juga memberikan penerangan mengenai perumahan dan mengambil aduan daripada pengunjung," katanya.

Karnival Ekspresi Negaraku di Kuala Kangsar itu adalah yang ketiga diadakan selepas pelancarannya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Putrajaya pada 18 Mac lepas.



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menandatangani buku pelawat semasa mengunjungi gerai pameran KPKT pada Karnival Ekspresi Negaraku di Dataran Pavilion, Kuala Kangsar, Perak baru-baru ini.

Karnival Ekspresi Negaraku di Dataran Pavilion, Kuala Kangsar, Perak turut dimeriahkan dengan acara senamrobik.



Tan Sri Dr. Ali Hamsa (dua dari kanan) mencuba alat pemotong hidraulik ketika mengunjungi gerai pameran KPKT pada Karnival Ekspresi Negaraku di Amanjaya, Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.

PPR Taman Siliau Jaya dibina oleh kerajaan bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah memiliki kediaman sendiri.

Lebih 100 peserta PPR Taman Siliau Jaya dianggap bertuah

Miliki rumah melalui Skim Sewa Untuk Milik

Taman Siliau Jaya

- Jenis: Rumah teres setingkat
- Jumlah kediaman: 150 unit
- Keluasan setiap unit: 65 meter persegi
- Kemudahan awam: Dewan serbaguna, taman permainan kanak-kanak, surau dan tadika
- Peruntukan kerajaan: RM17.6 juta

Tan Sri Noh Omar (empat dari kiri), Datuk Seri Mohamad Hasan (empat dari kanan), Datuk Seri Dr. S. Subramaniam (dua dari kanan) dan Datuk Mohammad Mentek (dua dari kanan) bersama dua penerima kunci rumah PPR Taman Siliau Jaya.



SEBANYAK 106 peserta telah terpilih untuk mendiami dan memiliki rumah masing-masing di Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Siliau Jaya, Port Dickson, Negeri Sembilan melalui Skim Sewa Untuk Milik yang diperkenalkan oleh kerajaan.

Mereka merupakan antara 150 peserta yang menerima kunci rumah dalam majlis yang diadakan di kawasan perumahan tersebut pada 13 April lalu.

Majlis penyerahan kunci yang disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan itu turut dihadiri Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar serta Presiden

MIC, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam dan Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Mohammad Mentek.

Mengulas tentang program berkenaan, Noh menyifatkan kesemua 106 peserta terbabit sebagai amat bertuah kerana mereka dipilih memiliki kediaman melalui skim tersebut manakala peserta-peserta yang lain perlu mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan.

"Melalui skim berkenaan, mereka hanya perlu membayar sewa bulanan antara RM200 hingga RM250 bagi tempoh 20 hingga 25 tahun. Selepas itu barulah hak milik diserahkan kepada mereka," katanya.

Pada masa sama, beliau menasihatkan semua peserta Skim Sewa Untuk Milik mematuhi syarat-syarat kontrak sewaan kerana kerajaan berhak menamatkan perjanjian sekiranya mereka gagal berbuat demikian.

Noh menjelaskan, antara syarat yang perlu dipatuhi adalah tidak menyewakan rumah kepada pihak ketiga, tunggakan sewa tidak melebihi tiga bulan dan tidak menyalahgunakan premis selain untuk tujuan kediaman.

Dalam perkembangan berkaitan, sebanyak 1,222 unit PPR dibina oleh kerajaan di sekitar Negeri Sembilan termasuk di Ladang Tanah Merah, Senawang, Taman Siliau Jaya, Rembau dan Rantau.



Tan Sri Noh Omar (kanan), Datuk Seri Mohamad Hasan (tiga dari kanan) dan Datuk Mohammad Mentek kelihatan ceria pada majlis penyerahan kunci rumah kepada 150 peserta PPR Taman Siliau Jaya.



Datuk Seri Mohamad Hasan (dua dari kiri) menyerahkan kunci rumah kepada seorang peserta dalam majlis yang turut dihadiri Tan Sri Noh Omar (kiri) dan Datuk Seri Dr. S. Subramaniam (tiga dari kiri) di PPR Taman Siliau Jaya, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 13 April lalu.



Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

MENTERI JAWAB

1 Berapakah kekerapan bancian dilakukan ke atas premis-premis Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi membendung tindakan sewaan unit rumah kepada pihak ketiga dan berapakah jumlah pemilik yang didapati bersalah kerana menyewa premisnya kepada pihak ketiga setakat penghujung tahun 2016?"

Sepanjang tahun 2016, sebanyak empat siri program penguatkuasaan Ops Sejahtera Komuniti telah dilaksanakan dan hasilnya:

377 Notis Peringatan dikeluarkan kepada unit yang terlibat dengan tunggakan sewa.

68 unit rumah telah dikeluarkan Notis Penamatan bagi kesalahan menyewakan unit rumah PPR kepada pihak ketiga.

RM1.9 juta bayaran tertunggak daripada empat Ops Sejahtera Komuniti.

■ Sidang Dewan Rakyat, 14 Mac 2017

2 Apakah langkah yang diambil kerajaan bagi melaksanakan program bandar hijau?

Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN3) dan Dasar Perbandaran Negara Ke-2 (DPN2) menggariskan langkah-langkah berikut:

- ✓ Meningkatkan mobiliti hijau bagi mengurangkan penggunaan kenderaan di pusat bandar.
- ✓ Konsep pembangunan berasaskan transit (Transit Oriented Development-TOD) khususnya di laluan LRT, MRT, komuter dan ETS.
- ✓ Sistem pengangkutan awam yang lebih holistik.
- ✓ Garis Panduan Perancangan (GPP) Kejiranan Hijau 2012 menetapkan matlamat negara 'rendah karbon' dengan kadar sebanyak 50 peratus menjelang tahun 2040.

■ Sidang Dewan Rakyat, 27 Mac 2017

3 Apakah langkah yang diambil kerajaan untuk mengawal kenaikan harga rumah?

Langkah-langkah yang dilaksanakan kerajaan:

- ✓ Menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai Januari 2014.
- ✓ Harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing adalah RM1 juta seunit.
- ✓ Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci termasuk semua manfaat/insentif yang bakal diberikan kepada pembeli.
- ✓ Melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan Developer Interest Bearing Scheme (DIBS) mulai November 2013 bagi mengelakkan peningkatan kos jualan harga rumah dengan memasukkan kadar faedah tertunggak semasa pembinaan perumahan berkenaan.
- ✓ Mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi empat unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat.
- ✓ Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan panduan mengenai Loan to Value (LTV) mulai tahun 2013 bagi pembelian rumah ketiga dan yang mana pembeli hanya akan memperoleh pinjaman maksimum 70 peratus sahaja.
- ✓ Melaksanakan moratorium selama 10 tahun bagi projek-projek agensi kerajaan.

■ Sidang Dewan Rakyat, 27 Mac 2017

4 Adakah pihak kementerian bercadang untuk membina sebuah balai bomba di Sungai Asap, Belaga, Sarawak?

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan memohon butiran perolehan tanah untuk pembinaan balai bomba di kawasan Sungai Asap pada tahun 2018 dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Sekiranya diluluskan, permohonan untuk projek pembinaan balai bomba ini akan dimasukkan bagi tahun 2019.

■ Sidang Dewan Rakyat, 16 Mac 2017



Tuntutan ganti rugi kelewatan penyerahan milikan kosong (LAD)

LATAR BELAKANG

ABU telah menandatangani Perjanjian Jual dan Beli (PJB) dengan pemaju A pada 1 Mac 2014 untuk pembelian rumah teres dua tingkat yang berharga RM400,000 dan rumah tersebut dijangka siap pada 1 Mac 2016. Walau bagaimanapun, pemaju A hanya menyerahkan kunci rumah kepada Abu pada 1 Julai 2016 dan berlaku kelewatan penyerahan kunci selama 122 hari. Oleh yang demikian, Abu membuat tuntutan di TTPR atas kegagalan pemaju A membayar ganti rugi LAD.

RINGKASAN KES

Tarikh tandatangan PJB : 1 Mac 2014
Tarikh jangka siap : 1 Mac 2016
Notis serah kunci : 1 Julai 2016
Jumlah kelewatan : 122 hari

KAEDAH PENGIRAAN GANTI RUGI KELEWATAN

RM400,000 (harga rumah) x 10% x 122 hari kelewatan = **RM13,369.86**

KEPUTUSAN

Setelah tuntutan dibicarakan, Presiden TTPR mengarahkan pemaju A membayar ganti rugi sebanyak RM13,369.86 berdasarkan kiraan yang telah ditetapkan antara Abu sebagai pampasan bagi kelewatan penyerahan kunci rumah tersebut. Kes berjaya diselesaikan dan pemaju A telah membayar ganti rugi tersebut sebagai penyelesaian penuh.



Tuntutan bagi mendapatkan caj atau caruman kepada kumpulan wang penjelasan atau apa-apa jumlah sebagai hutang



LATAR BELAKANG

PIHAK Perbadanan Pengurusan X telah membuat tuntutan di TPS terhadap pemilik petak bernama Z kerana gagal membayar caj bagi akaun penyelenggaraan dan mempunyai tunggakan bayaran selama enam bulan bermula Jun 2016 hingga Disember 2016.

Caj penyelenggaraan ditetapkan RM80 sebulan. Pihak pengurusan X telah beberapa kali menghantar notis kepada Z untuk menuntut bayaran tetapi gagal mendapatkan bayaran.

Pihak Perbadanan Pengurusan X memanjangkan perkara tersebut kepada Pesuruhjaya Bangunan dan menghantar Notis Menuntut Bayaran Jumlah Wang Yang Kena Dibayar oleh Pemilik (Borang 20) tetapi masih gagal menuntut wang tersebut.

Oleh itu, pihak Perbadanan Pengurusan X telah membuat tuntutan terhadap Z di TPS seperti dinyatakan dalam penyata akaun semasa.

RINGKASAN KES

Bayaran caj sebulan : RM80.00
Tempoh tunggakan : 6 bulan
Jumlah tunggakan : **RM80.00 x 6 bulan = RM480**

KEPUTUSAN

Setelah tuntutan dibicarakan, Presiden TPS telah mengarahkan Z untuk membayar tunggakan sebanyak RM240 seperti dalam Borang 20 dengan mengeluarkan satu award dan penyelesaian penuh kepada tuntutan pihak Perbadanan Pengurusan X.

BICARA MENTERI



Kesejahteraan bandar sentiasa di hati saya

» *Kesejahteraan adalah suatu konsep yang luas dan setelah melalui beberapa bengkel, Pelan Kesejahteraan Rakyat Bandar ini akan meliputi lapan teras...*

apabila bertemu rakyat adalah: "subsidi kepada rakyat bandar sudah pasti rakyat luar bandar juga dapat tetapi subsidi kepada rakyat luar bandar tidak semestinya dinikmati oleh rakyat bandar".

Atas dasar inilah KPKT sedang membangunkan Pelan Induk Kesejahteraan Rakyat Bandar yang akan meliputi semua peranan yang dimainkan oleh agensi kerajaan atau bukan kerajaan dalam agenda mensejahterakan rakyat bandar. Idea ini juga tercetus kerana saya mahu satu garis panduan yang inklusif dan dapat dijadikan bahan rujukan oleh semua agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam merancang dan melaksanakan projek, program dan aktiviti kawasan bandar.

Mengikut kajian pada tahun 2015, penduduk bandar dinisbahkan

sebanyak 74.3 peratus berbanding penduduk di luar bandar dan dijangka akan menjangkau 79.6 peratus pada tahun 2025. Ini adalah jumlah yang besar dan ini adalah faktor lain yang mendorong pembangunan Pelan Sejahtera Rakyat Bandar ini.

Kesejahteraan adalah suatu konsep yang luas dan setelah melalui beberapa bengkel, Pelan Induk Kesejahteraan Rakyat Bandar ini akan meliputi lapan teras iaitu Modal Insan Bandar Bersahsiah Tinggi, Ekonomi Rakyat Bandar yang Mampan, Perumahan yang Mampan, Pengangkutan Bandar yang Efisien dan Mampu Tanggung, Kemudahan Asas dan Awam yang Seimbang, Mudah Sampai dan Berkualiti, Persekitaran Selamat Ke Arah Masyarakat Sejahtera, Amalan Hijau, Bersih dan Sihat dan Tadbir Urus Bandar yang Mantap. Teras-teras yang dicadangkan ini adalah inklusif dan diharapkan agar dapat menjadi panduan untuk Kerajaan Persekutuan dan agensi lain bersama meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Kerajaan Tempatan juga adalah sesuatu yang dekat di hati saya di mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah agensi yang sentiasa berurusan terus dengan rakyat dan oleh sebab ini, Kerajaan Tempatan sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan. Sebagai kementerian yang mengawal selia PBT, KPKT juga telah

memperkenalkan Pelan Transformasi PBT yang bertujuan meningkatkan mutu perkhidmatan, kesejahteraan dan kelestarian persekitaran. Pelan ini juga akan membantu melahirkan PBT sebagai pemacu kemakmuran, kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat dan seterusnya akan memartabatkan PBT sebagai organisasi berwibawa, cekap dan SENTIASA DI HATI RAKYAT. Terdapat enam teras utama dalam pelan ini dan saya bersama 'Team Transformasi PBT' di bawah JKT telah menjalankan program jelajah ke PBT di seluruh Malaysia bagi memastikan setiap PBT mencapai visi dan misi pelaksanaan pelan ini.

"Perjalanan seribu batu bermula dengan satu langkah" – Lao Tzu.

Ini adalah kata-kata yang dipegang oleh saya dan seluruh warga kerja KPKT dalam melaksanakan transformasi dalam produk dan perkhidmatan kami dan kami percaya segala tapak yang kami langkah adalah setapak lebih dekat kepada kejayaan. Tahniat diucapkan di atas penerbitan Buletin Bandar ini dan kepada semua rakyat bandar di luar sana... watch this space... KPKT akan terus berusaha keras meningkatkan lagi kesejahteraan penduduk bandar.

TAN SRI NOH OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Daulat Tuanku

Merafak Sembah dan
Setinggi-Tinggi Ucapan Tahniah
kepada

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV SULTAN MUHAMMAD V


D.K., D.K.M., D.M.N., D.K. (SELANGOR), D.K. (NEGERI SEMBILAN),
D.K. (JOHOR), D.K. (PERAK), D.K. (PERLIS), D.K. (KEDAH),
D.K. (TERENGGANU), S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K.

Sempena

PERTABALAN SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG XV
SULTAN MUHAMMAD V


24 April 2017 bersamaan 27 Rejab 1438H

Sembah Takzim daripada



SENYUM SIKIT

Oleh MARO





Taklimat SMART

Tan Sri Noh Omar mendengar taklimat semasa lawatan kerja beliau ke Tapak Pelupusan Sanitari Bersepadu (SMART) di Ladang Tanah Merah, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 13 April lalu.



Pasar Payang

Lawatan kerja Tan Sri Noh Omar bersama Datuk Halimah Mohamed Sadique (tiga dari kanan) dan Datuk Mohammad Mentek (empat dari kanan) ke Kompleks Pasar Payang di Kuala Terengganu, Terengganu pada 15 April lalu.



Pelancaran SPRN

Tan Sri Noh Omar merasmikan Sistem Pengurusan Perumahan Negara (SPRN) pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPKT di Putrajaya pada 17 April lalu. Yang turut hadir, Datuk Halimah Mohamed Sadique.



Buletin Bandar Dilancarkan

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar melancarkan Buletin Bandar pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPKT di Putrajaya pada 17 April lalu. Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Halimah Mohamed Sadique (lima dari kiri).



Pelawat Dari Tokyo

Kunjungan hormat delegasi dari Tokyo, Jepun ke KPKT di Putrajaya pada 12 April lalu.



Ceria

Gelagat orang ramai yang menghadiri Majlis Pecah Tanah PPR Kuala Nerus di Terengganu pada 16 April lalu.



Turun Padang

Tan Sri Noh Omar menziarahi penduduk dalam program turun padang di sekitar kawasan Parlimen Tanjong Karang, Selangor pada 14 April lalu.



Pertandingan Kawad

Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Mohammad Mentek pada Majlis Perasmian Pertandingan Kawad Kecekapan Tahun 2017 di perkarangan Stadium Gong Badak di Kuala Nerus, Terengganu pada 15 April lalu.

INFO
PPR TAMAN
BERINGINLokasi
Jinjang
Utara,
Kuala
Lumpur

1999

Dibangunkan

Mac
2003

Mula didiami

Keluasan
minimum
700
kaki persegi

RM200j

Peruntukan
disalurkan
kerajaan

1,896

unit

6

blok

17

tingkat

8,000

penduduk

3

bilik tidur

2

bilik air
ruang tamu
& dapurKemudahan
awam: **Surau,
pusat komuniti,
kafe, taman
permainan**Berdekatan
**Sekolah
Rendah Agama
Abu Dzar
al-Ghifari**Kawasan riadah di
PPR Taman Beringin
berperanan sebagai
salah satu platform
merapatkan hubungan
sesama penduduk.Kafe Beringin
merupakan lokasi
tumpuan penduduk
untuk menjamu selera.

Lengkap dengan pelbagai kemudahan

PPR Taman Beringin mesra komuniti

Kediaman yang selesa, dilengkapi pelbagai kemudahan serta dekat dengan bandar sentiasa menjadi impian ramai warga kota. Itulah antara manfaat dan kelebihan dinikmati kira-kira 8,000 penghuni Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Beringin, Jinjang Utara, di sini apabila mula menjeyakkan kaki ke perumahan itu pada 2003. Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Taman Beringin, Shaharin Ahmad, 45 berkata, kewujudan kawasan perumahan yang mempunyai enam blok setinggi 17 tingkat itu

membuktikan kerajaan tidak pernah melupakan golongan miskin bandar. Menurutnya, projek berkenaan turut membawa implikasi besar dalam mencorakkan kehidupan penduduk yang pernah mendiami kawasan setinggian dan mengubah mentaliti mereka ke arah yang lebih baik.

"Kebanyakan mereka yang menghuni PPR ini merupakan penduduk di kawasan setinggian yang suatu ketika dahulu hidup dengan menempuh seribu kepayahan." "Selepas mereka berpindah ke perumahan baharu tersebut, saya dapat lihat perubahan besar berlaku terutama berkaitan sikap, minda dan mentaliti mereka," katanya.

Shaharuddin berkata, pelbagai kemudahan yang turut disediakan bersama menjadi faktor penting kerana menjadi titian dalam membentuk hubungan mesra dan jalinan antara penduduk.

"Saya fikir apabila wujudnya kemudahan seperti taman permainan, gelanggang sukan, padang, pusat pendidikan, surau dan wakaf, ini menjadi platform dalam mendekatkan hubungan kerana di sinilah titik pertemuan mereka."

"Malah pelbagai lagi kemudahan lain seperti Pusat Komuniti Beringin, Kafe Beringin yang baharu siap dibina selain pembesaran Surau al-Hikmah berdekatan akan terus memberi manfaat kepada penghuni." Beliau berpandangan, PPR Taman Beringin bukan sahaja kawasan perumahan yang mesra komuniti malah, penduduknya mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain.

APA KATA PENDUDUK?

AKHIRNYA penantian penduduk tercapai untuk menikmati kediaman sendiri pada harga yang sangat rendah ditawarkan kerajaan. Saya bersyukur atas nikmat ini dan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan."

NORLIZAN SHAIKH HUSIN
Penduduk

"SAYA harap semua pihak membuka mata melihat kesungguhan kerajaan membangunkan kediaman mampu milik demi memenuhi permintaan dan keperluan penghuni kota yang tidak berkemampuan."

NOR AISHAH ADAM
Penduduk

"SAYA tidak pernah bermimpi untuk tinggal di kediaman yang lebih besar dan selesa seperti ini. Dulu, saya fikir hidup dan mati saya dalam rumah sempit di sebuah kawasan setinggian di Kampung Berembang."

HUSIN SARIF
Penduduk

"BAGI anak muda seperti saya, dengan sewa rumah yang amat berpatutan dan mampu dimiliki, penduduk dapat mengurangkan kos sara hidup masa kini."

MUHAMMAD ASYRAF ADAM
Penduduk

Pusat Komuniti
Beringin
menyediakan
ruang bagi
penduduk
menjalankan
pelbagai aktiviti
kemasyarakatan.

Antara poster
haram pemberi
pinjaman wang
yang diturunkan
dalam Ops Carik.

Syarikat pemberi pinjam wang berlesen dikenakan tindakan

BAGI memastikan kegiatan pemberi pinjam wang dilakukan mengikut peraturan, Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai (BPWG), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KKPT) telah mengambil tindakan tegas terhadap dua syarikat pemberi pinjaman wang berlesen.

Dua syarikat pemberi pinjaman wang berlesen tersebut telah dikenakan tindakan pada bulan Februari dan Mac lalu.

Bagi kes pertama, dua pengarah syarikat pemberi pinjaman wang berlesen telah dituduh di Mahkamah Putrajaya pada 6 Mac lalu atas kesalahan pertukaran pengarah syarikat tanpa kelulusan pendaftar.

Kedua-dua pengarah syarikat tersebut telah dikenakan denda sebanyak RM2,000 seorang atas kesalahan tersebut.

Sementara itu, bagi satu lagi kes yang berlaku di Sarawak, sebuah syarikat telah disaman di bawah Seksyen 16(2) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 kerana tidak melakukan proses duti setem terhadap dokumen perjanjian pinjaman wang.

Syarikat tersebut juga telah didapati melakukan dua kesalahan berkenaan dan telah dikompau sebanyak RM2,000 untuk setiap kesalahan.

Dalam pada itu, BPWG bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) telah menjalankan Ops Carik pada 3 April lalu untuk memantau poster-poster haram pemberi pinjam wang yang digantung di sekitar Papar, Sabah.

Dalam operasi tersebut, sebanyak 128 poster pemberi pinjam wang yang digantung di sekitar Papar telah diturunkan dalam operasi itu yang dijalankan lebih tiga jam bermula pukul 8.30 pagi.

BAHAGIAN PEMBERI PINJAM WANG DAN PEMEGANG PAJAK GADAI

VISI

Mewujudkan industri pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai konvensional yang beretika dan berdaya maju serta menjaga kepentingan para pelanggan industri.

MISI

Untuk mengawal selia industri pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai melalui perkhidmatan dan penguatkuasaan undang-undang secara telus, cekap dan berkesan.

OBJEKTIF

Pengawalseliaan aktiviti-aktiviti pemberi pinjam wang (PPW) dan pemegang pajak gadai (PPG) yang efisien dan berkesan.

PUNCA KUASA

- Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400)
- Akta Pemegang Pajak Gadaai 1972 (Akta 81)
- Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan & Pelesenan) 2003
- Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadaai (Kawalan & Pelesenan) 2004

Enforcement division tears down illegal lenders' posters

Laporan akhbar tempatan tentang
Ops Carik yang dijalankan oleh
BPWG di sekitar Papar, Sabah
baru-baru ini.

Van jenazah baharu untuk Masjid Rahmani



Tan Sri Noh Omar bersama ADUN Permatang, Datuk Sulaiman Abdul Razak menyerahkan replika kunci kepada Bustamam pada majlis penyerahan van pelbagai guna sumbangan Bank Rakyat di Tanjong Karang, Selangor baru-baru ini.

MASJID Rahmani Kampung Permatang di Tanjong Karang, Selangor menerima sebuah van jenazah baharu hasil usaha yang dijalankan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

Sebelum ini, pengurusan masjid berkenaan terpaksa meminjam atau menyewa van dari kariah lain untuk menyempurnakan pengebumian jenazah.

Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang berkata, pihaknya sedia maklum permohonan yang dibuat jawatankuasa Masjid Rahmani tentang van jenazah sedia ada telah uzur.

"Saya telah berbincang dengan wakil rakyat di sini berhubung perkara ini dan alhamdulillah, Bank Rakyat sudi menyumbangkan van jenazah khusus untuk masjid ini," katanya pada majlis penyerahan kunci van pelbagai guna kepada Timbalan Nazir Masjid Rahmani, Bustamam Hambali baru-baru ini.

Dalam pada itu, Noh berkata, program sumbangan yang diberikan kepada penduduk adalah merupakan komitmennya bersama wakil rakyat lain.

"Selain daripada memberi penekanan terhadap kemudahan prasarana, kita juga memfokuskan bantuan kebajikan masyarakat setempat tanpa mengira fahaman politik," ujarnya.

Sementara itu, Bustamam berkata,



Laporan *Sinar Harian* tentang permohonan Jawatankuasa Masjid Rahmani untuk mendapatkan van jenazah baharu.

sumbangan van pelbagai guna Bank Rakyat memberi kelegaan kepada kariah masjid sekali gus melancarkan urusan pengebumian di kampung itu.

"Jawatankuasa masjid dan kariah mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Noh yang membantu kami mendapatkan sebuah van baharu," katanya.

Batal kelulusan projek BPI tiada motif politik

KEPUTUSAN kerajaan membatalkan kelulusan projek infrastruktur berskala kecil atau BPI membabitkan 148 pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara tidak mempunyai kaitan dengan motif politik.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, tindakan itu adalah selaras dengan langkah Kementerian untuk menyelaraskan semula peruntukan di bawah BPI terutamanya di kawasan-kawasan pentadbiran PBT yang turut merangkumi kawasan Ahli-ahli Parlimen pembangkang.

Beliau memberitahu, sebarang permohonan peruntukan projek BPI daripada PBT perlu dirujuk kepada Kementerian terlebih dahulu untuk memastikan sama ada permohonan tersebut benar-benar signifikan kepada rakyat.

"Ada permohonan kita (Kementerian) boleh lulus dan ada juga kita tidak boleh luluskan... kita ikut bajet yang kita ada."

"Maka sebab itu saya arahkan supaya PBT lihat semula apakah kelulusan projek BPI itu penting untuk diberikan perhatian dan adakah Ahli-Ahli Parlimen di sesebuah tahu mengenainya dan membuat permohonan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor (MTPNS) di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Sementara itu, Noh yang juga Pengerusi MTPNS mempersoalkan tindakan Ahli Parlimen Taiping, Nga Kor Ming yang dilaporkan media mahu menghantar surat tuntutan supaya pihak Kementerian menarik balik keputusan itu dalam tempoh tujuh hari atau berdepan tindakan undang-undang.

Beliau berharap Nga Kor Ming yang juga Pengerusi DAP Perak memahami keputusan tersebut merangkumi semua kawasan pentadbiran PBT.

"Tidak timbul isu Kementerian tidak salurkan peruntukan di daerah Taiping kerana tahun ini sahaja kita telah menyalurkan peruntukan kira-kira RM2 juta kepada Majlis Perbandaran Taiping (MPT) membabitkan pembinaan dewan serbaguna termasuk pembinaan bumbung gerai dan pasar di kawasan itu," katanya.

Salam Israk & Mikraj

TAN SRI NOH HAJI OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
Pengerusi Barisan Nasional Selangor,
Ahli Parlimen Tanjong Karang,
Pengerusi MPTNG.

Pemberi Pinjaman Wang (PPW)

Lesen dikeluarkan kepada PPW yang telah diluluskan dan memenuhi syarat.

Pamer Lesen dan Permit Iklan di ruangan dalam premis PPW yang boleh dilihat oleh orang awam.

Orang awam boleh menyemak kesahihan lesen dan permit iklan dengan melayari emaps.kpkt.gov.my

PPW dibenarkan menjalankan semua transaksi pinjaman di alamat (operasi) yang tertera pada lesen sahaja.

Pinjaman diberikan kepada mereka yang berusia 18 tahun ke atas sahaja.



Pemegang Pajak Gadai (PPG)

Lesen dikeluarkan kepada PPG yang telah diluluskan dan memenuhi syarat.

Pamer Lesen dan Permit Iklan di ruangan dalam premis PPG yang boleh dilihat oleh orang awam.

Orang awam boleh menyemak kesahihan lesen dan permit iklan dengan melayari emaps.kpkt.gov.my

PPG dibenarkan menjalankan semua transaksi pinjaman di alamat (operasi) yang tertera pada lesen sahaja.

Pinjaman diberikan kepada mereka yang berusia 18 tahun ke atas sahaja.

PERATURAN DAN SYARAT KHAS

Borang Perjanjian

- Borang perjanjian perlu ditandatangani dengan sempurna oleh peminjam dan pemberi pinjaman, diaksaksi dan dimatikan setem.
- Jadual Satu adalah sebahagian daripada Borang Perjanjian dan satu salinan perjanjian bersama Jadual Satu diserahkan kepada Peminjam.

Kadar Faedah Pinjaman/Pajakan

- Tidak melebihi 18% setahun (Tidak Bercagar) atau 12% setahun (Bercagar).

Had dan Tempoh Pinjaman/Pajakan

- Tiada had tetapi tempoh masa pinjaman tidak boleh menyebabkan kadar faedah terkumpul melebihi jumlah pinjaman asal (pokok).

Resit Bayaran

- Hendaklah diserahkan kepada peminjam setiap kali bayaran dibuat.

Lelongan

- Peminjam hendaklah dimaklumkan tentang lelongan awam jika berkenaan) barangan cagar/sandaran yang tidak dibayar sehingga tamat tempoh pinjaman melalui surat berdaftar.

Permit Iklan (Yang Sah)

- Nombor Lesen PPW dan tempoh sah lesen.
- Nombor permit iklan dan tempoh sah permit iklan
- Nama, alamat dan nombor telefon (talian tetap) PPW
- Kadar faedah kadar pinjaman yang ditawarkan.

Surat Pajak Gadai

- Pemajak diberikan Surat Pajak.
- Jika surat pajak asal hilang, pemajak boleh mendapatkan salinan catatan dalam buku pemegang pajak gadai secara percuma.

Kadar Faedah Pinjaman/Pajakan

- Tidak melebihi 2% setahun.
- Had dan Tempoh Pinjaman/Pajakan
- Tidak melebihi RM10,000 untuk setiap pajakan.
- Tempoh pajakan 6 bulan atau tempoh masa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak (pemajak atau pemegang pajak gadai).

Resit Bayaran

- Hendaklah diserahkan kepada peminjam setiap kali bayaran dibuat.

Lelongan

- Peminjam hendaklah dimaklumkan tentang lelongan awampajakan yang tidak ditebus sehingga tamat tempoh pajakan melalui surat berdaftar.

Permit Iklan (Yang Sah)

- Nombor Lesen PPG dan tempoh sah lesen.
- Nombor permit iklan dan tempoh sah permit iklan
- Nama, alamat dan nombor telefon (talian tetap) PPG
- Kadar faedah kadar pinjaman yang ditawarkan.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi:
Bahagian Pemberi Pinjaman Wang Dan Pemegang Pajak Gadai
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 22, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya
No. Tel: 03-88914667
No. Faks: 03-88913186

www.kpkt.gov.my

www.nohomar.my

@kpkt_gov

KPKT Malaysia

KPKT Malaysia

KPKT

Azizulhasni Awang juara keirin dunia

AZIZULHASNI AWANG mencipta kejutan dalam Kejohanan Trek Dunia di Hong Kong pada 13 April lalu apabila menjuarai acara keirin dengan penuh dramatik sekali gus menjadikannya pelumba berbasikal pertama negara memenangi kejohanan dunia paling berprestij itu.

Beliau pada mulanya berada di tempat keempat daripada enam peserta akhir ketika mengekori pacer tetapi kemudian tercicir di belakang sehingga berada di tempat terakhir ketika perlumbaan yang berlangsung di Velodrom Hong Kong itu memasuki tiga pusingan terakhir.

Namun pemenang pingat gangsa Sukan Olimpik Rio 2016 itu berjaya mencelah di antara dua pelumba di hadapannya sebelum memecut pantas meninggalkan tiga lagi pelumba lain lantas menjadi pelumba pertama yang tiba di garisan penamat.

Katanya, beliau mengakui kesilapan percaturan pada awal perlumbaan menyebabkannya tercicir di kedudukan paling belakang namun tetap tenang dan fokus kepada perlumbaan sambil mencari peluang untuk ke hadapan.

"Saya cuba bertenang, kalau kita agak kelim kabut banyak tenaga akan terbuang. Saya hanya tunggu masa untuk mencelah. Apabila ada peluang, saya terus memanfaatkannya, memecut sampai satu lawan satu dengan Fabian Puerta (tempat kedua).

"Masa pecut itu saya menjerit sekali. Saya tak tahu macam mana saya dapat kuasa sampai boleh tinggalkan pelumba-pelumba lain hampir 10 meter jaraknya. Mereka macam pelumba amatir pula.

"Selepas menang, ramai pelumba yang melahirkan rasa kagum. Antara pelumba yang berjaya melakar penamat yang cukup dramatik adalah Frederic Magne dari Perancis pada tahun 90-an. Kemudian pelumba Belanda, Theo Bos pada 2006, dan terkini saya sendiri," katanya.

Pelumba yang berasal dari Dungun, Terengganu itu mencipta sejarah apabila menjadi pelumba Asia Tenggara pertama yang memenangi pingat emas Kejohanan Dunia malah menamatkan kemarau 20 tahun apabila menjadi pelumba Asia kedua yang memenangi kejohanan tersebut selepas kali terakhir dimenangi oleh Harumi Honda dari Jepun pada 1987.

Terkenal dengan jolokan nama The Pocket Rocketman, beliau seolah-olah tidak percaya apabila dinobatkan sebagai juara dunia setelah usahanya selama 10 tahun bersaing dengan pelumba-pelumba terkemuka dunia akhirnya membuahkan hasil.



Azizulhasni Awang mengibarkan Jalur Gemilang bagi meraikan kejayaan menjuarai acara keirin dalam Kejohanan Trek Dunia di Hong Kong pada 13 April lalu.



Kembalikan kegemilangan The Red Giants

THE Red Giants berjanji kepada penyokong-penyokong setianya untuk berjuang habis-habisan bagi mengembalikan kegemilangan pasukan itu dalam arena bola sepak negara.

Penolong Pengurus Skuad Liga Super Selangor, Datuk Mohd. Shahrizal Sahri berkata, pasukan yang sebahagian besarnya dibarisi anak-anak jati Selangor itu mempunyai jati diri yang tinggi bagi mencapai matlamat tersebut.

Menurut beliau, pengurusan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) yang turut dianggotai bekas-bekas pemain yang pernah menyaring jersi merah dan kuning itu amat memahami kehendak para penyokong yang ingin menyaksikan The Red Giants terus menambah koleksi kejuaraan Piala Malaysia.



Mohd. Shahrizal

"Pasukan ini mempunyai program pembangunan bola sepak sendiri maka semua aspek di dalam organisasi FAS merangkumi kepemimpinan tertinggi, pengurusan dan penyokong perlu sentiasa mantap.

"Pada masa sama, Selangor akan terus menjadi kilang menghasilkan pemain-pemain hebat di negara ini seperti Mohd. Amri Yahyah, Safiq Rahim dan Tabil Sulaiman," katanya.

Mohd. Shahrizal turut menyatakan keyakinannya terhadap kepemimpinan Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) yang baru dilantik, Datuk Seri Subahan Kamal dalam membawa pasukan kebanggaan rakyat Selangor itu menuju kecemerlangan.

"Kepemimpinan yang ditunjukkan Subahan memberi teladan yang baik kepada golongan muda dalam pengurusan FAS seperti saya," jelasnya.

Sementara itu, beliau yang juga Exco FAS menggesa kerajaan negeri Selangor melaksanakan dasar yang lebih mesra terhadap pembangunan bola sepak.

"Saya berharap kerajaan negeri Selangor akan mewajibkan penyediaan rezab padang bola sepak dalam perancangan zon hijau pada masa hadapan," katanya.

Sementara itu, skuad Tok Gajah gagal menundukkan Selangor walaupun ber-

raksi di gelanggang sendiri dalam perlawanan Liga Super di Stadium Darul Makmur, Kuantan, Pahang pada 15 April lalu.

The Red Giants terlebih dahulu merobek gawang tuan rumah menerusi rembatan kencang pemain import, Juliano Mineiro hasil kelekaan barisan pertahanan skuad Tok Gajah pada minit keenam.

Gol kedua perlawanan dijanginkan oleh pemain pasukan tuan rumah, Matthew Davies pada minit ke-11 namun Selangor kembali mendahului Pahang melalui sepakan penalti Francis Forkey Doe pada minit ke-11.

Hasrat Selangor untuk membawa pulang tiga mata gagal selepas Pahang menyamakan kedudukan 2-2 menerusi jaringan Faisal Rosli pada minit ke-87.

KEDUDUKAN LIGA SUPER 2017										
Pasukan	P	M	S	K	G	B	PG	MATA		
JDT	10	7	2	1	25	9	16	23		
Pahang	10	6	2	2	26	13	13	20		
Kedah	10	5	4	1	19	13	6	19		
SELANGOR 10	4	4	2	16	12	4	16			
Perak	10	4	4	2	17	18	-1	16		
Kelantan	10	5	0	5	21	17	4	15		
T-Team	10	3	4	3	15	18	-3	13		
Felda	10	2	4	4	10	13	-3	10		
PKNS	10	2	3	5	16	19	-3	9		
Melaka	10	2	3	5	10	22	-12	9		
Sarawak	10	2	2	6	11	17	-6	8		
P. Pinang	10	1	2	7	6	21	-15	5		

Setakat 21 April 2017

Futsal mampu rangkul emas Sukan SEA

PERSATUAN Bola Sepak Malaysia (FAM) yakin pasukan futsal lelaki dan wanita negara berpeluang merangkul pingat emas pada temasya Sukan SEA Ke-29 di Kuala Lumpur, Ogos ini.

Keyakinan tersebut disuarakan Naib Presiden FAM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Futsal dan Bola Sepak Pantai FAM, Datuk Rosmadi Ismail berdasarkan prestasi terkini pasukan futsal negara yang memberangsangkan.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihaknya akan meneliti perancangan terkini pasukan futsal lelaki dan wanita negara memandangkan mereka akan menghadapi Kejohanan Futsal Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) dalam masa terdekat.

"Kita akan panggil semua pegawai terutama jurulatih dan pengurusan futsal kebangsaan pada minggu hadapan untuk meneliti segala perancangan utama.

"Kita akui cabaran hebat tetapi tidak mustahil untuk kita menang emas di Sukan SEA Ke-29 melihat kepada perkembangan pasukan kebelakangan ini," katanya baru-baru ini.



Kawasan sekitar PPR Lembah Subang 2 dibaiki segera dengan menggunakan peruntukan yang disalurkan KPKT.

Kerja-kerja mengalihkan pokok yang tumbang akibat ribut di PPR Lembah Subang 2 di Subang, Selangor.

KPKT salur peruntukan baiki kerosakan

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil tindakan pantas membaiki kerosakan yang dialami di Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2 selepas ribut melanda kawasan berkenaan pada 15 April lalu.

Pihak kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara telah menyalurkan peruntukan dianggarkan berjumlah RM60,000 untuk kerja-kerja membaiki pulih kerosakan di PPR tersebut yang disiapkan pada 17 April lalu, iaitu tiga hari selepas kejadian.

Peruntukan itu merangkumi kos bagi kerja membaiki pulih bumbung serta menggantikan siling baharu serta membaiki pendawaian elektrik di beberapa bangunan dalam kawasan PPR Lembah Subang 2 yang terjejas akibat ribut.

Tindakan pembaikan segera itu perlu dijalankan bagi mengelakkan kerosakan bertambah teruk di samping menjamin keselamatan penduduk-penduduk

PPR Lembah Subang 2 dilanda ribut

di PPR Lembah Subang 2. Ribut yang melanda pada petang 15 April lalu itu telah menyebabkan beberapa blok bangunan PPR Lembah Subang 2 mengalami kerosakan teruk pada bumbung, siling serta mengakibatkan masalah pendawaian elektrik.

Selain itu, beberapa kenderaan milik penduduk juga mengalami kerosakan disebabkan pokok tumbang dan terkena serpihan bumbung bangunan yang jatuh.

Beberapa gerai makan di kawasan berkenaan turut mengalami kerosakan teruk akibat kejadian ribut itu.



Pelaksanaan Program 3R For Life di PPR Lembah Subang 1 di Subang, Selangor baru-baru ini bertujuan memupuk kesedaran amalan kitar semula dalam kalangan penduduk.

Menggalakkan amalan kitar semula

SEBANYAK 130 penduduk menghadiri Program Taklimat 3R For Life di Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Putra Damai, Lembah Subang 1 di Subang, Selangor baru-baru ini.

Program tersebut dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Masyarakat, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan mereka yang hadir terdiri daripada ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Kesejahteraan Lembah Subang (JKPLS), ahli-ahli Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), ketua-ketua blok, ketua-ketua aras dan penduduk.

Program yang merupakan pengenalan kepada konsep mata pelajaran kitar semula itu dilancarkan oleh Pengerusi JK-PLS, Datuk Yusoff H. M. Haniff.

Yang turut hadir serta menjadi ahli panel dalam program tersebut adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Teknikal) SWCorp, Dr. Mohd. Pauze Mohd. Taha serta Pengarah SWCorp Perak, Fatimah Ahmad.

Program julung kali ini menampilkan format forum bagi memberi pendidikan dan kesedaran mengenai amalan 3R



Ringkasan berita operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat

Sinar Harian (15 April 2017)

TANJONG KARANG - Sembilan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Tanjong Karang mengambil masa 30 minit untuk menyelamatkan seorang kelindan lori treler yang tersepit di tempat duduk dalam satu kemalangan di Batu 10 di sini pada 13 April lalu.

Mangsa, Shahril Ahmad, 30-an, tersepit di bahagian kaki selepas kenderaan berat yang dinaikinya merempuh bahagian belakang sebuah lori kontena dalam kejadian kira-kira pukul 5.50 pagi.

Pihak bomba mengambil masa hampir 30 minit menggunakan alat pemotong hidraulik khas untuk mengeluarkan mangsa tersepit. Kerja-kerja menyelamatkan berjalan lancar dengan bantuan sebuah jentera bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Sekinchan.

Harian Metro (18 April 2017)

KOTA BHARU - Sebanyak 30 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Kota Bharu terlibat dalam usaha memadam kebakaran yang berlaku di Lorong Chicha, Berek 12, di sini pada 16 April lalu.

Kebakaran yang berlaku pada pukul 12.50 tengah hari itu telah memusnahkan sebanyak lapan buah rumah.

Sinar Harian (18 April 2017)

BENTONG - Lima anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Bentong mengambil masa 10 minit untuk memadamkan kebakaran melibatkan sebuah kereta dalam kemalangan di Kilometer 51, Lebuhraya Karak dekat Bentong pada 16 April lalu.

Dalam kejadian itu, pemandu kenderaan terbabit bernasib baik apabila berjaya dikeluarkan oleh orang ramai sebelum kereta dipandunya terbakar.

Kosmo! (18 April 2017)

IPOH - Dua pekerja kontrak sebuah syarikat swasta maut dipercayai terhidu gas beracun selepas terjatuh ke dalam lubang pembentungan najis semasa melakukan kerja-kerja pembersihan di hadapan pusat beli-belah Angsana Mall di sini pada 17 April lalu.

Dalam kejadian kira-kira pukul 1 pagi itu, kedua-dua mangsa yang masing-masing berusia 27 tahun, meninggal dunia di tempat kejadian selepas mengalami sesak nafas di dalam lubang tersebut.

Sebanyak 15 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh terlibat menjalankan kerja-kerja menyelamatkan dalam kejadian tersebut.

Sinar Harian (19 April 2017)

KUANTAN - Sepasukan anggota dari Bomba dan Penyelamat Kuantan berjaya mengambil tindakan segera membersihkan tumpahan merkuri yang berlaku di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, Jalan Gambut di sini pada 17 April lalu bagi mengelakkan bahan berbahaya itu memudaratkan kakitangan dan pesakit yang datang mendapatkan rawatan.

Operasi pembersihan tersebut mengambil masa kira-kira setengah jam dan sisa bahan itu berjaya dibersihkan sepenuhnya menggunakan serbuk tepung dan cecair pencuci. Dalam kejadian itu, tiada sebarang kecederaan atau gangguan kesihatan dialami kakitangan mahupun orang ramai.

Harian Metro (19 April 2017)

TAMPIN - Sepasukan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Gemas berjaya menyelamatkan seorang remaja berusia 17 tahun yang cuba terjun dari bangunan asrama akibat tekanan perasaan.

Anggota bomba berjaya memanjat bumbung bangunan asrama itu untuk menyelamatkan remaja terbabit sebelum dia dihantar untuk pemeriksaan ke Klinik Kesihatan Gemas dan dirujuk ke Hospital Tampin.





Syarikat pemberi pinjam wang berlesen dikenakan tindakan

muka 11



Kembalikan kegemilangan The Red Giants

muka 14



Van jenazah baharu untuk Masjid Rahmani

muka 12

APA KATA PENDUDUK?

"Akhirnya penantian penduduk tercapai untuk menikmati kediaman sendiri pada harga yang sangat rendah ditawarkan kerajaan. Saya bersyukur atas nikmat ini dan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan."

NORLIZAN SHAIKH HUSIN, Penduduk PPR Taman Beringin **muka 10**



Buletin

Bandar



NEGARAKU

17 - 23 APRIL 2017 • 19 REJAB - 3 SYAABAN 1438

KPKT salur peruntukan bantu penduduk

Prihatin masalah PPR Lembah Subang

- Bertindak pantas baiki kerosakan
- Keselamatan penduduk diutamakan
- Peruntukan segera RM60,000

muka 15

"Kalau kerajaan negeri Selangor kata tidak mampu nak urus PPR Lembah Subang 1 ini, dengan keadaannya yang amat daif sekali, kementerian telah buat keputusan akan ambil alih pengurusanannya."

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

